

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR**  
**[ TANJONG KARANG ]**

**TARIKH : 19 Oktober 2015 (Isnin)**

**SOALAN :**

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar [ Tanjong Karang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah permit teksi individu yang telah dikeluarkan di bawah program Teksi 1 Malaysia dan adakah permohonan baru masih diterima untuk diluluskan memandangkan terdapat aduan yang menyatakan kesukaran untuk memohon permit teksi individu.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Teksi 1Malaysia (TEKS1M) merupakan program pelancaran migrasi teksi ke kelas yang lebih baik.
2. Dalam program ini, sebanyak 1,000 permit teksi syarikat telah diambil semula dan diserahkan kepada 1,000 individu yang layak sebagai permit individu. Proses ini telah pun selesai pada tahun 2013. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah menerima lebih 30 ribu permohonan dari pemohon yang berminat bagi program berkenaan.
3. Pada masa ini, tiada lagi lesen baru dikeluarkan bagi semua kategori teksi bermeter sehingga dimaklumkan kelak.

Sekian, terima kasih.